

## **Kampus Xiamen University Akan Bantu Malaysia Jadi Hab Pendidikan - Najib**

**Bernamea**

**July**

**3,**

**2014**

SEPANG, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap penubuhan Kampus Xiamen University Malaysia (XMUMC) di sini akan membantu Malaysia menjadi hab pendidikan bertaraf dunia.

Beliau berkata Malaysia, yang ditempatkan pada ranking ke-11 dalam senarai Unesco bagi destinasi pilihan pendidikan, komited untuk memperbaiki ranking itu.

Katanya Malaysia juga komited untuk membangunkan tenaga kerja individu didikan tempatan yang berupaya untuk menjana idea baharu yang besar dan strategi pencetus perubahan yang akan mewujudkan kekayaan dan peluang kerja bagi rakyat.

"Dalam usaha untuk mencapai matlamat dan sasaran ini, Malaysia harus memperbaiki bidang dan kualiti pendidikannya. Kampus baharu Xiamen University akan membantu kita melakukannya," katanya pda majlis pecah tanah bagi XMUMC di Salak Tinggi di sini Khamis.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai, Wakil Khas Perdana Menteri di China, Tan Sri Ong Ka Ting, yang juga Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-China, Presiden Xiamen University Prof Zhu Chongshi dan Duta China di Malaysia Huang Huikang.

Dianggarkan menelan belanja RM1.3 bilion, XMUMC yang dibina di tapak seluas 60 hektar dengan lima bangunan akademik, enam penginapan pelajar, pusat aktiviti, kemudahan sukan dan kafeteria, dijangka akan siap pada September tahun depan.

XMUMC akan menyaksikan pengambilan pertama 500 pelajar selepas itu dan jumlah itu akan meningkat kepada 5,000 dalam tahun 2020, dan akhirnya mencapai kapasiti maksimum 10,000 pelajar dari China, Malaysia dan negara Asean lain.

Najib berkata memang tepat sekali Xiamen University memilih Malaysia sebagai venue bagi kampus antarabangnya yang pertama.

Beliau berkata pembukaan kampus Xiamen di sini, yang merupakan universiti berprestij kerana ia sebuah universiti antarabangsa yang diiktraf, akan menarik pelajar berkualiti tinggi dari luar negara serta memberikan lebih banyak pilihan kepada pelajar Malaysia.

"Tidak semua yang mampu belajar di luar negara, tapi kini pelajar Malaysia akan berupaya mengikuti pendidikan global pada kos yang berpatutan, dalam Malaysia sendiri," katanya.

Najib berkata majlis pecah tanah hari ini merupakan simbolik kepada persahabatan Malaysia dan China.

Sementara itu, Liow yang juga presiden MCA, menyambut baik pembukaan XMUMC di sini kerana ia merupakan pencapaian penting bagi Malaysia dan China dalam mengukuhkan hubungan dua hala dan juga hubungan antara rakyat dan rakyat.

"Penubuhan kampus cawangan Xiamen University di sini akan membantu menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab bagi pendidikan cemerlang di rantau ini.

"MCA komited untuk menarik lebih banyak pelajar China belajar di Malaysia," katanya.

Xiamen University disenaraikan dalam kalangan 20 institusi akademik terbaik di China yang diasaskan oleh hartawan getah Malaysia Tan Kah Kee pada 1921.

Tahun lepas, Xiamen University menerima jemputan rasmi daripada kerajaan Malaysia untuk membuka kampus di Malaysia dan pada Februari tahun yang sama, satu perjanjian kerajaan bagi penubuhan XMUMC telah dimeterai antara XMUMC dan Sunsuria Development Sdn Bhd.

XMUMC akan menawarkan kursus peringkat ijazah, ijazah lanjutan dan doktor falsafah yang mematuhi falsafah pendidikan serupa dan sistem pentauliahan ijazah yang diguna pakai oleh Xiamen University. Graduan XMUMC akan dianugerahkan ijazah akademik daripada Xiamen University.

XMUMC akan dibina dalam dua fasa. Bagi fasa pertama, lima pusat kajian akan dibina iaitu Kajian Maklumat Sains dan Teknologi, Kajian Laut dan Alam Sekitar, Kajian Ekonomi dan Pengurusan, Kajian Bahasa dan Kebudayaan Cina serta Kajian Perubatan.

Dalam fasa kedua, lebih banyak pusat kajian dan kursus akan ditubuhkan bagi memenuhi keperluan sosial dan permintaan pasaran.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051011>